



30 November 2011
30 November 2011
P.U. (A) 383

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN TENAGA BOLEH BAHARU (KRITERIA BAGI SUMBER BOLEH BAHARU) 2011

RENEWABLE ENERGY (CRITERIA FOR RENEWABLE RESOURCES) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

PERATURAN-PERATURAN TENAGA BOLEH BAHARU (KRITERIA BAGI SUMBER BOLEH BAHARU) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 60(a) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria bagi Sumber Boleh Baharu) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Kriteria bagi sumber boleh baharu

2. Suatu sumber atau teknologi tertentu hendaklah memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual untuk dianggap sebagai sumber boleh baharu yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual bagi maksud Akta.

JADUAL

(1) <i>Sumber boleh baharu</i>	(2) <i>Kriteria</i>
1. Biogas	(a) Suatu sumber dalam bentuk gas; dan (b) Dihasilkan oleh pencernaan anaerob atau penapaian bahan organik tidak terfosil dan terbiodegradasikan, termasuk baja, enap cemar kumbahan, hasil, hasil sampingan dan baki daripada sisa pertanian, perindustrian atau perbandaran yang berasal dari Malaysia.
2. Biojisim	(a) Suatu sumber dalam bentuk pepejal; dan (b) Terdiri daripada bahan organik tidak terfosil dan terbiodegradasikan, termasuk hasil dan hasil sampingan dan baki daripada sisa pertanian, perindustrian atau perbandaran yang berasal dari Malaysia.
3. Hidrokuasa kecil	Suatu teknologi yang memanfaatkan kuasa air yang mengalir bagi menjanakan tenaga elektrik.